SAMPEL PERCUMA

Latihan Kata Ganda

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

7 Emak memasukkan _____ yang dihiris itu ke dalam kuali lalu menumisnya.

A bebawang
B kekacang
C lelabu
D sesiku

8 Rambut budak lelaki itu kelihatan_____ kerana tidak disikat.

A kusut-masai
B compang-camping
C comot-momot
D kotor-bolor

9 Pawagam menjadi _____ setelah lampu dipasang menandakan filem telah selesai ditayangkan.

A riuh-rendah
B gelap-gelita
C porak-peranda
D terang-benderang

10 Rambutan di dusun Pak Mak kelihatan _____ .

A kekuning-kuningan
B kemerah-merahan
C keranum-ranuman
D kehijau-hijauan

11 Rani _____ sekolah kerana ayahnya merupakan seorang anggota polis.

A bertukar-tukar
B berebut-rebut
C berpindah-pindah
D berkejar-kejar

12 Ibu membelikan bantal yang berisikan _____ untuk adik.

A bebola
B rerumput
C kekabu
D bebawang

13 Air takungan di dalam tin kosong itu dipenuhi dengan _____.

A pepijat
B lelabah
C jejentik
D pepatung

14 Almari yang baru dibeli oleh ayah telah rosak dimakan _____.

A anai-anai
B api-api
C labah-labah
D ikan-ikan

15 Puan Kumari menggunakan _____ yang diimport khas dari India untuk melazatkan masakannya.

A rempah-ratus
B kuih-muih
C sayur-mayur
D ulam-ulamam

16 Anak-anak En.Mazlan yang _____ itu melanjutkan pelajaran ke luar negara.

A cantik-cantik
B pandai-pandai
C nakal-nakal
D budak-budak

17 Universiti tempatan melarang _____ lelaki menyimpan rambut yang panjang.

A guru-guru
B murid-murid
B pelajar-pelajar
C mahasiswa-mahasiswa

18 _____ yang digoreng oleh ibu sungguh sedap dimakan.

A Agar-agar
B Jemput-jemput
C Obor-obor
D Kek-kek

19 Sani bertugas sebagai _____ di Balai Polis , Pontian , Johor .
A kutu-kutu
B labah-labah
C mata-mata
D mulut-mulut

20 Hati Malini ber_____ menanti keputusan peperiksaan UPSR yang akan diumumkan sebentar lagi.

A debar-debar
C senyum-senyum
C detik-detik
D lari-lari

21 Orang ramai _____ masuk ke dalam stadium untuk menonton perlawanan akhir bola sepak.

A berlari-lari
B berputar-putar
C berpusu-pusu
D berjalan-jalan

22 Encik Bala berjalan _____ di hadapan bilik bersalin ketika menanti kelahiran anak sulungnya.

A ulang-alik
B lintang-pukang
C mundar-mandir
D kelam-kabut

23 Petani itu meletakkan _____di tengah-tengah sawah padi untuk menakutkan haiwan perosak.

A patung-patung
B mata-mata
C orang-orang
D api-api

24 Azlan _____setelah menghabiskan larian 400 meter.

A tersipu-sipu
B tercungap-cungap
C teraba-raba
D tersenyum-senyum

25 Aiman lari _____ melarikan diri apabila dikejar seekor anjing liar.

A riuh-rendah
B lintang-pukang
C kumat-kamit
D lalu-lalang

26 Suraya menyusun buku itu_____ supaya dapat memenuhi ruang almari itu.

A rapat-rapat
B jarang-jarang
C jauh-jauh
D padat-padat

27 Baju budak itu kelihatan _____ kerana terkena lumpur semasa bermain.

A. comot momot
B. compang camping
C calar balar
D kusut masai

28 _____ yang digoreng oleh ibu dihidangkan dalam majlis hari jadi saya.

A Epok-epok
B Gula-gula
C Agar-agar
D Buah-buah

29 Rani tidak dapat makan kerana _____nya sakit dari pagi tadi.

A jejari
B sesiku
C lelangit
D bebola

30 Tukang kebun itu memotong _____ yang tinggi di padang dengan mesin.

A bebola
B pepohon
C kekabu
D rerumput

31 Sazali ketawa _____ ketika menonton rancangan yang lucu itu.

A teresak-esak
B terbahak-bahak
C tergopoh- gopoh
D terkinja-kinja

32 _____ kedengaran suara menjerit meminta tolong dari lorong itu.

A Samar-samar
B Nyaris-nyaris
‘ C Sayup-sayup
D Hampir-hampir

33 Guru besar tidak akan _____ untuk mengambil tindakan terhadap murid yang melanggar peraturan sekolah.

A teragak-agak
B tergesa-gesa
C terjaga-jaga
D terkial-kial

34 _____ sejenis makanan yang terkenal di Muar, Johor.

A Otak-otak
B Oleh-oleh
C Obor-obor
D Api-api

35 Orang tua itu bersikap _____ sejak terlibat dalam kemalangan itu.

A kenakal-nakalan
B kemerah-merahan
C kebudak-budakan
D kehitam-hitaman

36 Penduduk –penduduk kampung itu menyambut Pesta Menuai secara _____.

A besar-besaran
B habis-habisan
C ansur-ansuran
D mudah-mudahan


37 Pada cuti hujung, minggu kami sekeluarga pergi melawat Taman _____ di Melaka.

A Labah-labah
B Rama-rama
C Kura-kura
D Monyet-monyet

38 Lembu peliharaannya _____ belaka kerana diberikan makanan tambahan.

A kurus-kurus
B gemuk-gemuk
C kecil-kecil
D nipis-nipis

Soalan 39 berdasarkan gambar di bawah.



39 Pak Harun sedang menyapu _____ yang memenuhi longkang di tepi rumah.

A dedaun
B pepohon
C reranting
D rerambut

40 Kami dapat melihat pelbagai jenis _____ berterbangan di taman itu.

A kura-kura
B labah-labah
C kupu-kupu
D orang-orang

Soalan 41 berdasarkan gambar di bawah.



41 Gunakan _____ semasa menyeberangi jalan raya.

A sesiku
B jejari
C jejantas
D kekisi

42 Para _____ hadir ke majlis perkahwinan abang Nizam.

A tetamu
B lelaki
C kekuda
D pepatung

43 “Perkara ini haruslah difikirkan _____ sebelum kamu bertindak,” kata Cikgu Lim.

A bulat- bulat
B masak-masak
C mentah-mentah
D benar-benar

44 Pasukan bola sepak sekolah saya telah berjaya menjadi johan daerah selama tiga tahun _____.

A berikut-ikut
B berturut-turut
C bertukar-tukar
D berganti-ganti

45. _____ di kelas Tahun 6 Mawar sedang menduduki peperiksaan.

A Murid-murid
B Pekerja-pekerja
C Siswa-siswa
D Kanak-kanak

46 Sebilangan besar murid sekolah itu mengalami _____ akibat keracunan makanan.

A lemah-longlai
B lemah-gemalai
C hiruk-pikuk
D cirit-birit

47 _____ Khairul luka kerana terkena paku yang tajam.

A Sesiku
B Jejari
C Lelangit
D Gegendang

48 Tiga orang pemuda yang _____ di kawasan bank itu disoal siasat oleh pihak polis.

A berpusing-pusing
B berputar-putar
C bermain-main
D berlegar-legar

49 Kecederaan _____ telinga menyebabkan Pak Cik itu tidak jelas pendengaran.

A lelangit
B jejari
C gegendang
D sesiku

50 Adik berjalan _____ ke sekolah kerana kakinya terseliuh akibat terjatuh dari tangga semalam.

A terkial-kial
B tersekat-sekat
C terhuyung-hayang
D terhincut-hincut

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar